

DEWAN BAHASA


ديوان بهاس

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA



Bahasa
dan
Pemersatuan
Malaysia Baharu

Merungkaikan
POLEMIC
AKRONIM



Penterjemahan Manusia
lawan

GOOGLE TRANSLATE

BIL. 11 2018

Semenanjung Malaysia	: RM6.50
Sabah/Sarawak	: RM7.00
Brunei Darussalam	: B\$6.50
Singapura	: S\$6.50

KK 499-91318-1118
ISSN 1511-9092



9 771511 909069

<http://dwnbahasa.dbp.my>





6



20

WACANA JAWI

Awalan Serapan yang Mengubah Ejaan **30**

- Munsyi Jawi

BAHASA DAN MASYARAKAT

Keterbatasan Bahasa Inggeris **33**

- Zulkifli Salleh

Ungkapan Akal Budi **44**

- Aminudin Mansor

LINGUISTIK

Kata Kerja Semelfaktif Batuk, Bersin dan Berkelip **36**

- Mohamad Suhaizi Suhaimi

BAHASA DAN AGAMA

Bahasa Melayu dan Islamisasi **40**

- Muhammad Mohamad Idris



24



48

BAHASA DAN PERISTIWA

Kehebatan Peradaban Melayu **43**

- Siti Nur Hidayah Othman Bakar

Fajar Baharu Tekad Bahasa Kebangsaan **47**

- Ritah Yahaya

Duta Bahasa Melayu **48**

- Goh Sang Seong

PENTERJEMAHAN

Penterjemahan Manusia lawan Google Translate **54**


- Vijayaletchumy Subramaniam dan Amirra Shazreena Aminul Razin

BAHASA DAN KOMUNIKASI

Kesantunan dalam Komunikasi Tanpa Ujaran **58**

- Sara Beden

PETIKAN BAHASA **64**



Kata Kerja *Semelfaktif* Batuk, Bersin dan Berkelip

Oleh **MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI**



Kelas Aktionsart yang diperkenalkan oleh Vendler terdiri daripada kelas kata kerja keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan yang diklasifikasikan dengan ciri inheren *temporal*.

Kata kerja keadaan dan aktiviti mempunyai persamaan oleh sebab kedua-duanya tidak terbatas dari segi jangka masa dan tidak pernah mempunyai titik akhir jangka masa. Namun begitu, kata kerja keadaan tidak bersifat dinamik, iaitu boleh berubah-ubah.

Selain itu, kata kerja pencapaian dan penyempurnaan pula mempunyai persamaan apabila kedua-duanya terbatas dari segi jangka masa. Namun begitu, kata kerja pencapaian kurang tempoh masa berdasarkan ciri (ketepatan masa).

Perubahan ini berlaku secara serentak dengan penamat masa, manakala kata kerja penyempurnaan berlaku perubahan dalam tempoh masa. Dengan

kata lain, setiap kelas kata kerja mempunyai ciri yang membezakan satu kelas kata kerja itu daripada kelas kata kerja yang lain.

Selain itu, Van Valin dan Lapolla dalam buku yang bertajuk *Syntax: Structure, Meaning and Function* mencadangkan satu lagi kelas kata kerja yang dinamakan sebagai aktif penyempurnaan. Kata kerja ini menghasilkan titik penamat bagi kata kerja aktiviti. Pada masa yang sama, Van Valin dalam *Exploring The Syntax-Semantics Interface* memperkenalkan kata kerja terbaharu, iaitu *semelfaktif*.

Kata kerja *semelfaktif* bersifat tepat masa yang tidak menghasilkan keadaan yang baharu. Terdapat beberapa siri kajian mengenai kata kerja *semelfaktif*, antaranya ialah kajian oleh Maslida yang memberikan contoh kata kerja *semelfaktif* seperti batuk. Namun begitu beliau tidak menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai ciri kata kerja *semelfaktif* dalam bahasa Melayu.



Terdapat beberapa pandangan tentang kata kerja *semelfaktif* yang agak mengelirukan. Menurut Maslida dalam "Kata Kerja Bahasa Melayu: Klasifikasi Berdasarkan Kelas *Aktionsart*" dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal and Harishon Radzi (ed.), *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus* hlm. 263-276. Kata kerja "lompat" ialah aktiviti. Sebaliknya, Jyh Wee Sew menyatakan "lompat" ialah kata kerja pencapaian. Dalam bahasa Inggeris, kata kerja "lompat" (*jump*) dianggap kata kerja *semelfaktif*.

Kata kerja *semelfaktif* juga menjadi rumit apabila terdapat kata kerja *semelfaktif* yang menunjukkan perubahan tempat. Contohnya, "Ahmad melompat ke pagar sebelah". Berdasarkan kekaburan kata kerja ini didapati terdapat kekaburan mengenai kata kerja *semelfaktif* dalam bahasa Melayu.

Ciri kata kerja pencapaian dan ciri *semelfaktif* kadang-kadang seakan-akan sama. Hal ini demikian kerana Smith dalam *The Parameter of Aspect* menyatakan bahawa *semelfaktif* ialah pencapaian yang tidak mempunyai titik penamat.

Smith juga menyatakan bahawa pencapaian adalah sesuatu peristiwa yang mempunyai satu perubahan keadaan, manakala *semelfaktif* ialah sesuatu keadaan yang tidak mempunyai perubahan keadaan.

Kenyataan Smith disangkal oleh Susan Rothstein, yang menyatakan kenyataan Smith itu adalah tidak benar. Hal ini demikian kerana pencapaian ialah sesuatu keadaan yang tidak mempunyai banyak masa dan ianya begitu asli, iaitu sangat segera dan berbeza dengan *semelfaktif* yang mempunyai jeda masa (*interval predicates*) yang dapat dilihat melalui penggunaan progresif. Oleh itu, kenyataan yang dikatakan oleh Smith, iaitu

semelfaktif mempunyai struktur yang sama seperti pencapaian tidak boleh diterima.

Selain itu, menurut Susan dalam *Structuring Event: A Study in The Semantics of Lexical*, *semelfaktif* ialah kata kerja yang mempunyai [titik penamat], boleh muncul dengan sesuatu peristiwa yang mempunyai gangguan (*imperfective paradox*), yang merupakan peristiwa tunggal, yang boleh muncul dengan progresif (ketika dan sedang) dan yang boleh muncul dalam peristiwa lanjutan, iaitu ianya seakan-akan aktiviti. Kata kerja *semelfaktif* tidak begitu segera seperti pencapaian. Hal ini demikian kerana kata kerja *semelfaktif* mempunyai struktur penambahan.

Struktur penambahan meliputi laluan untuk objek itu bergerak (*trajectories*), misalnya dalam melompat, menendang, berdering, memalu, dan berdegup yang mempunyai laluan pergerakan,



iaitu pergerakan semasa bahagian itu berlaku. Berdering termasuk pergerakan loceng bergerak ke kiri dan ke kanan, pemaluan gendang melibatkan pergerakan tangan sebelum memalu gendang dan selepas memalu gendang dan berdegup melibatkan pergerakan darah yang membolehkan jantung berdegup, melompat melibatkan pergerakan kaki ke atas dan ke bawah dan menendang melibatkan pergerakan kaki bergerak ke atas dan ke bawah untuk menendang sesuatu.

Berdasarkan kajian Maslida, kata kerja *semelfaktif* dalam bahasa Melayu seperti “batuk”, “bersin” dan “berkerlip” dikelaskan dalam peristiwa yang asli dan tidak ada transisi antara satu keadaan dengan keadaan yang lain dan memiliki fitur [titik penamat], [tepat masa].

Menurut Susan, trajektori merupakan laluan untuk objek bergerak. Hal ini boleh dikatakan sebagai ujian bagi ketiga-tiga kata kerja menentukan ketiadaan tempoh masa, iaitu memiliki fitur [tepat masa].

Kata kerja *semelfaktif* “batuk”, “bersin” dan “berkerlip” memiliki trajektori apabila kata kerja

“bersin” memiliki laluan pergerakan aliran udara dari hidung dan mulut. Kata kerja “batuk” memiliki laluan pergerakan melalui kelopak mata yang membuka dan menutup. Sementara, kata kerja “berkerlip” memiliki laluan pergerakan pada laluan pernafasan yang mengeluarkan bunyi.

Ujian laluan untuk objek bergerak ini membuktikan bahawa ketiga-tiga kata kerja tersebut tidak boleh dikatakan sebagai kata kerja yang sangat segera kerana kata kerja ini mempunyai jeda masa (*interval predicates*) yang muncul dalam progresif. Oleh itu, fitur bagi ketiga-tiga kata kerja tersebut ialah [tepat masa].

Kata kerja *semelfaktif* boleh muncul dengan sesuatu peristiwa yang mempunyai gangguan yang dikenali sebagai *imperfective paradox*. Hal ini bermaksud, sesuatu kata kerja itu tidak dapat dilaksanakan atas sebab berlakunya halangan yang boleh hadir daripada pelaku dan faktor sekeliling. Hal ini dapat dilihat berdasarkan contoh seperti dalam **Jadual 1**.

Berdasarkan **Jadual 1**, kata kerja “batuk” terhalang dengan meminum air masak. Kata kerja “bersin” mengalami gangguan penyempurnaan apabila Ali menutup hidung dengan jarinya. Kata kerja “berkerlip” tidak sempurna apabila terhalang akan

Jadual 1 Kata kerja *semelfaktif* dan ayat yang mengandungi *imperfectives paradox*.

Kata Kerja	Contoh ayat
Batuk	Amirah terasa hendak batuk, namun segera meminum air masak bagi menghalang dirinya terbatuk.
Bersin	Husna hendak bersin, namun sempat menutup hidung dengan jarinya.
Berkerlip	Matanya hendak berkerlip, namun dihalang akan keindahan pelangi itu.

keindahan pelangi. Hal ini dikenali sebagai *Imperfectives paradox* yang merupakan halangan bagi kata kerja *semelfaktif*.

Selain itu, *imperfectives paradox* dalam bahasa Melayu turut menerima kata hubung gabungan "namun". Kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya, justeru, kata hubung gabungan "namun" dilihat menjadi unsur penting dalam menentukan kehadiran *imperfectives paradox* dan menunjukkan bahawa kata kerja tersebut tidak tepat masa.

Menurut Susan, untuk menguji kata kerja *semelfaktif* yang mempunyai titik penamat adalah dengan menggunakan ujian adverbs dalam α masa. Oleh itu, dalam menentukan kata kerja *semelfaktif* bahasa Melayu mempunyai titik penamat adalah dengan mengujinya dengan adverbs dalam α masa. Hal tersebut dapat dilihat dalam contoh ayat seperti dalam **Jadual 2**.

Berdasarkan **Jadual 2**, kata kerja "batuk", "bersin" dan "berkelip" boleh menerima adverbs dalam α masa. Hal ini menunjukkan bahawa kata kerja *semelfaktif* memiliki fitur [titik penamat], iaitu mempunyai titik penamat bertepatan dengan Susan.

Jadual 2 Contoh ayat yang mengandungi adverbs dalam α masa.

Kata Kerja	Contoh ayat
Batuk	Faizah terbatuk dalam masa tiga saat kerana habuk pada kapur di papan hitam.
Bersin	Masitah bersin dalam masa tiga saat akibat habuk yang banyak pada kotak itu.
Berkelip	Mata Suinah berkelip dalam masa sesaat kerana terganggu akan tiupan angin pantai.

***Imperfectives paradox* menunjukkan bahawa kata kerja "batuk", "bersin" dan "berkelip" tidak mempunyai ketepatan masa.**

Secara kesimpulannya, kata kerja *semelfaktif* "batuk", "bersin" dan "berkelip" memiliki fitur [tepat masa] dan [titik penamat]. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga kata kerja tersebut memiliki trajektori, iaitu laluan untuk objek bergerak yang

menunjukkan tiada ketepatan masa dan tidak berlaku dalam keadaan yang segera. Selain itu, ketiga-tiga kata kerja tersebut memiliki titik penamat berikutan kebolehterimaan unsur adverbs dalam α masa yang menunjukkan kewujudan titik akhir bagi sesuatu kata kerja.

Imperfectives paradox dalam kata kerja bahasa Melayu menerima unsur kata kata hubung gabungan "namun" dan menjadi unsur penting dalam menentukan kehadiran gangguan dan ketidaksempurnaan sesuatu kata kerja. Tambahan pula, *imperfectives paradox* menunjukkan bahawa kata kerja "batuk", "bersin" dan "berkelip" tidak mempunyai ketepatan masa. 